



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, INOVASI DAN TEKNOLOGI

RoTDA DILANCARKAN: MENERAJUI PEMBANGUNAN BAKAT ROBOTIK

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2025 - Malaysia terus memperkukuh kedudukan sebagai hab teknologi serantau melalui pelancaran **Akademi Pembangunan Bakat Robotik (Robotics Talent Development Academy – RoTDA)**, sebagai pemacu utama dalam pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang robotik dan automasi.

Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, ketika merasmikan pelancaran RoTDA, mengunjurkan bahawa impak usaha ini sebagai satu langkah strategik dalam merealisasikan **Pelan Hala Tuju Robotik Kebangsaan (NRR30) 2021-2030**, yang menyasarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab robotik serantau menjelang tahun 2030.

Menurut YB Chang Lih Kang, “Inisiatif di bawah Teras Strategik Bakat dalam NRR ini dijangka bakal melahirkan sekurang-kurangnya **1,000 bakat baharu** dalam bidang robotik setiap tahun, sejajar dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi global”.

Beliau juga turut menyatakan bahawa pembangunan platform RoTDA ini diterajui bersama oleh MOSTI dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selaku peneraju Jawatankuasa Kecil Bakat NRR. Pada masa yang sama, MRANTI agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di beri mandat sebagai pusat operasi fizikal RoTDA, dan memainkan peranan sebagai sebuah Pusat Setempat (One-Stop Centre) untuk semua pemain ekosistem robotik negara yang terdiri daripada akademik, industri hingga agensi kerajaan.

Pelaksanaan RoTDA melibatkan kerjasama MOSTI bersama 8 kementerian yang lain dan juga dua agensi berkaitan iaitu Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Komunikasi (KK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Digital (KD), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Malaysian Board of Technologist (MBOT).

Menurut YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Bin Hj. Mohamed Ariff, Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI, "Pelancaran Konsortium RoTDA membuktikan kesungguhan Malaysia untuk menerajui pembangunan bakat AI & robotik. Inilah juga peluang terbaik buat pihak berkepentingan seperti pemain industri, para cendekiawan, usahawan dan inovator bekerjasama dalam memastikan menjayakan akademi ini."

Melalui RoTDA, MRANTI turut memainkan peranan dalam memudahkan kolaborasi antara universiti, institut penyelidikan dan sektor industri untuk:

- Memetakan kursus dan program latihan berkaitan robotik,
- Mengenalpasti kemahiran kritikal yang diperlukan industri,
- Membentuk program pensijilan dan latihan berasaskan keperluan pasaran,
- Menawarkan peluang penyelidikan, latihan industri dan pemindahan teknologi,
- Menghubungkan Ekosistem Robotik Negara.

Untuk maklumat lanjut berkaitan RoTDA, lawati laman web di <https://mranti.my/rotda>

TAMAT

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
27 Februari 2025**